

Kod Tatalaku Rakan Niaga ini terpakai bagi
pelanggan, pemborong, pengedar, pembekal
beras, juru ukur kargo, penyedia kapal,
Pengilang Beras Bumiputra, rakan niaga,
pembekal, kontraktor, perunding, Syarikat
Usaha sama dan Rakan Konsortium

KOD TATALAKU RAKAN NIAGA BERNAS

 BERNAS <small>PADIBERAS NASIONAL BERHAD</small>	<p>Tajuk: ABMS MS ISO 37001: 2016 Contract Terms Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS Mukasurat : 2 - 4</p>	<p>Nombor Dokumen: IRM/ABMS/05/WF : GuiSOP FORM 21b Tarikh Efektif: 1 Ogos 2020</p>	
--	--	--	---

KOD TATALAKU RAKAN NIAGA BERNAS

1.0 PENYATAAN POLISI

BERNAS komited dalam menegakkan prinsip integriti, kebertanggungjawaban dan keadilan dalam hubungan perniagaannya. Selaras itu, BERNAS menyeru rakan niaganya untuk berkongsi komitmen terhadap prinsip ini seperti yang dinyatakan dalam Kod Tatalaku Rakan Niaga (Business Partners Code of Conduct selepas ini dikenali sebagai BPCC) BERNAS ini.

BPCC ini bertujuan untuk melengkapkan Polisi Anti Suapan dan Rasuah, Prosedur Perolehan, Prosedur Berurusan Dengan Pelanggan dan lain-lain polisi dan prosedur BERNAS.

Semua rakan niaga BERNAS harus bertindak selaras mengikut BPCC sejajar dengan garis panduan, polisi dan amalan, dan menyampaikan serta menguatkuasakan peruntukan BPCC di seluruh organisasi mereka dan seluruh rantaian bekalan.

2.0 HUBUNGAN DENGAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

Rakan niaga harus mematuhi semua undang-undang negara dan semua undang-undang yang berkaitan yang terpakai keatas operasi rakan niaga. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik di antara undang-undang tersebut dengan dasar, maka rakan niaga harus mematuhi standard tertinggi selaras dengan undang-undang yang berkaitan.

3.0 PERSAINGAN

Rakan niaga harus sentiasa bersaing secara jujur dan profesional. Rakan niaga tidak boleh menjadi penyebab atau menjadi sebahagian dari pihak yang melanggar undang-undang dan peraturan persaingan, seperti kerjasama yang tidak sah dalam penentuan harga dan perkongsian pasaran.

4.0 SUAPAN, RASUAH DAN PENIPUAN

Rakan niaga harus mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan suapan, rasuah dan penipuan.

Rakan niaga tidak boleh menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah, pembayaran fasilitasi atau faedah tidak wajar, bayaran atau insentif yang tidak wajar kepada atau dari mana-mana pegawai awam, organisasi antarabangsa atau pihak ketiga lain (sama ada sektor swasta atau sektor awam), sama ada secara langsung atau melalui perantara.

Rakan niaga mesti menjalankan program anti-suapan dan rasuah yang berkesan yang dibentuk untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan anti-rasuah.

Program ini harus selari dengan risiko yang dihadapi oleh rakan niaga dan termasuk prosedur untuk memantau kepatuhan, mengesan dan menangani pelanggaran.

 BERNAS <small>PADIBERAS NASIONAL BERHAD</small>	<p>Tajuk: ABMS MS ISO 37001: 2016 Contract Terms Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS Mukasurat : 3 - 4</p>	<p>Nombor Dokumen: IRM/ABMS/05/WF : GuiSOP FORM 21b Tarikh Efektif: 1 Ogos 2020</p>	
--	---	--	---

5.0 HADIAH, HOSPITALITI DAN HIBURAN

Rakan niaga tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menawarkan atau memberikan hadiah, hospitaliti dan hiburan kepada pekerja atau wakil BERNAS atau orang yang berkait rapat dengan mereka. Wang tunai atau setara tunai tidak boleh ditawarkan atau diberikan. Hospitaliti seperti acara sosial, makan-makan atau hiburan adalah dibenarkan dengan syarat bahawa hospitaliti tersebut adalah untuk perbincangan perniagaan yang tulus dan bukan usaha untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

Warga kerja yang melakukan perjalanan atas urusan kerja BERNAS akan dibayar (termasuk semua perbelanjaannya yang berkaitan) oleh BERNAS, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam kontrak kerja atau perkhidmatan yang berkaitan, dan pengecualian tersebut mesti dibuat setelah mendapat persetujuan terlebih dahulu dari Pengurusan Tertinggi. Hospitaliti, perbelanjaan atau hadiah tidak boleh ditawarkan atau diberikan semasa perundingan, penawaran atau pemberian kontrak.

Rakan niaga tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menawarkan atau memberikan hadiah, hospitaliti dan hiburan kepada pihak ketiga, termasuk pegawai awam, untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau kelebihan perniagaan untuk rakan niaga.

6.0 PENGUBAHAN WANG HARAM

Rakan niaga harus menentang dengan tegas segala bentuk pengubahan wang haram dan hanya menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah dengan dana yang berasal dari sumber yang sah. Rakan niaga harus mengambil langkah yang wajar untuk mencegah dan mengesan sebarang bentuk pembayaran yang tidak sah, dan mencegah transaksi kewangannya digunakan oleh orang lain untuk pengubahan wang haram.

7.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik kepentingan mungkin timbul apabila pekerja rakan niaga mempunyai kepentingan tertentu, samada secara profesional atau peribadi, semasa berurusan dengan BERNAS. Pihak pengurusan rakan niaga mesti mengelakkan sebarang konflik kepentingan yang berlaku, berpotensi atau dirasakan berlaku dalam kerja mereka dengan BERNAS.

Rakan niaga mesti mendedahkan sebarang konflik kepentingan disyaki, yang berlaku, berpotensi atau dirasakan berlaku secara bertulis kepada BERNAS.

8.0 KERAHSIAAN

Rakan niaga diharapkan akan melakukan semua hubungan perniagaan dengan penuh integriti, rasa hormat dan kepercayaan.

Rakan niaga diharapkan sentiasa melindungi kerahsiaan maklumat dan tidak berhak menggunakan harta intelek atau maklumat lain milik BERNAS tanpa kebenaran bertulis dari BERNAS terlebih dahulu.

 BERNAS <small>PADIBERAS NASIONAL BERHAD</small>	<p>Tajuk: ABMS MS ISO 37001: 2016 Contract Terms Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS Mukasurat : 4 - 4</p>	<p>Nombor Dokumen: IRM/ABMS/05/WF : GuiSOP FORM 21b Tarikh Efektif: 1 Ogos 2020</p>	
--	---	--	---

9.0 LATIHAN

Rakan niaga diminta untuk menjalani latihan anti suapan dan rasuah yang bersesuaian bagi kakitangan mereka yang dinyatakan oleh BERNAS.

10.0 AUDIT

Rakan niaga akan menyimpan buku dan rekod yang lengkap dan tepat berkaitan dengan skop kerja di bawah kontrak. Ini termasuk rekod korporat, rekod masa, rekod kerja, rekod bekalan, akaun, resit penerimaan, invois dan dokumen sokongan lain. Rakan niaga akan menyimpan buku dan rekod ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun setelah tempoh kontrak yang berkaitan dengannya.

Selama jangka masa perjanjian ini, BERNAS boleh melantik juruaudit pada bila-bila masa (yang mungkin merupakan warga kerja BERNAS atau pihak ketiga) untuk melakukan audit terhadap buku dan rekod rakan niaga yang berkaitan dengan skop kerja di bawah kontrak. Rakan niaga perlu memberi kerjasama yang sewajarnya kepada juruaudit BERNAS untuk tujuan audit tersebut.

11.0 SUB-RAKAN NIAGA

Rakan niaga perlu menyampaikan BPCC BERNAS kepada sub-rakan niaganya yang dilantik bagi menjalankan projek atau kerja-kerja untuk BERNAS. Rakan niaga perlu memantau sub-rakan niaganya berkaitan pematuhan BPCC BERNAS.

12.0 SIASATAN

Rakan niaga hendaklah melaporkan sebarang percubaan, yang disyaki, dan salah laku yang berlaku, atau pelanggaran atau kelemahan sistem pengurusan anti-rasuah BERNAS melalui saluran Pemberi Maklumat BERNAS (Talian Etika).

Pelapor yang mendedahkan maklumat dengan niat baik dan berdasarkan alasan yang munasabah akan dilindungi oleh BERNAS.

Sekiranya berlaku pelanggaran terma BPCC, atau kejadian rasuah yang disyaki atau yang berlaku, BERNAS akan melakukan siasatan dan akan melaporkan kepada pihak berkuasa

Rakan niaga akan memberi kerjasama yang sewajarnya, maklumat dan dokumen kepada BERNAS semasa siasatan dijalankan.

13.0 PENAMATAN

Sekiranya berlaku pelanggaran oleh rakan niaga keatas Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS ini, BERNAS mempunyai hak untuk memutuskan perjanjian serta merta dengan memberi notis kepada rakan niaga.

Rakan niaga akan memberi ganti rugi kepada BERNAS atas sebarang liabiliti atau kerugian yang dialami oleh BERNAS diatas perlanggaran Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS ini.